



Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad

UMNO, MELAYU DAN MAHATHIR

SIRI PERJUANGAN
UMNO DAN
DR. MAHATHIR

MULAI keluaran ini, *Sdra. Alias Mohamed*, seorang penganalisa politik terkenal, akan menulis secara bersiri mengenai sejarah perjuangan *UMNO* dan kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir.

Rencana yang berjudul: 'UMNO, Orang-orang Melayu dan Pimpinan Dr. Mahathir: Sekarang dan Akan Datang' ini amat menarik dibaca dan sesuai dijadikan bahan rujukan ahli-ahli politik tanah air.

Dahulu, sekarang.

S EJAK Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO Malaysia daripada Tun Hussien Onn dalam tahun 1981, negara telah melalui dan menyaksikan beberapa perubahan penting yang telah memberi kesan secara menyeluruh kepada rakyat dan negara umumnya.

Namun kepimpinan beliau selama hampir lima tahun itu tidak melintasi liku-liku perubahan dengan senang tanpa cabaran-cabaran dan tentangan pahit. Di samping pujian dan sanjungan bermacam-macam kritiknya. Setengah-

kemajuan dan perkembangan Islam. Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa di sini adalah satu lagi daya penggalak terhadap kepesatan dan kegandaan perkembangan ini.

Di rantau Asean Dr. Mahathir sedang muncul sebagai seorang pemimpin yang mempunyai persepsi yang tajam bukan sahaja terhadap apa yang berlaku dan apa yang boleh dibuat di negara beliau sendiri, tetapi juga terhadap perkembangan-perkembangan serantau dan seluruh dunia. Kewibawaan dan ketajaman fikiran beliau diakui oleh semua pemimpin Asean.

Oleh itu, menerusi kepimpinan Dr. Mahathir negara kita sedang melalui satu tahap yang sangat mencabar. Yang pertama, sebagai seorang intelektual dan peminat ilmu yang sangat percaya

W 28 SEP 1985

setengahnya datang dari akhbar-akhbar luar negeri, sementara setengah-setengahnya dari golongan akademik. apalagi parti-parti pembangkang yang sentiasa berusaha dan bekerja keras untuk menggagalkan cita-cita murni beliau.

Di mata masyarakat antarabangsa, Dr. Mahathir jelas dan nyata sekali sejak hampir lima tahun yang lalu mendapat perhatian istimewa negara-negara besar industri seperti Great Britain dan Amerika Syarikat. Negara-negara Eropah dan para pemimpin mereka menganggap beliau sebagai seorang pemimpin negara sedang membangun yang amat berwibawa dan berpengaruh.

Sementara negara-negara Islam di seluruh dunia pula mula mendengar dan memberi perhatian serius terhadap fikiran dan kritikan beliau yang tajam dan tepat terhadap kebangkitan Islam dan perpecahan serta peperangan di kalangan setengah-setengah negara Islam. Beliau nampaknya disebut-sebut sebagai salah seorang pemimpin Islam yang paling layak untuk mengetuai rundingan bagi menyelesaikan sengketa Iran-Iraq.

Pada masa ini kunjungan pemimpin-pemimpin negara Islam dari seluruh dunia ke negara ini amat rancak. Hubungan yang lama dan akrab antara Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia merangkap Menteri Pertanian, Encik Anwar Ibrahim, dengan setengah-setengah para pemimpin tersebut menerusi ABIM yang pernah beliau ketuai dahulu dan beberapa pertubuhan Islam sedunia yang lain, merupakan latar belakang yang penting kepada kekerapan lawatan-lawatan ini.

Penubuhan pejabat-pejabat perwakilan PLO (Pertubuhan Pembebasan Palestin) dan Mujahidin Afghanistan di Kuala Lumpur baru-baru ini tidak syak lagi akan menjadikan negara ini sebagai pusat kegiatan Islam yang berpengaruh di rantau ini, malah di seluruh dunia sekalipun. Dalam tempoh tidak berapa lama lagi Malaysia akan menyaksikan satu perkembangan yang besar, malah luar biasa, apabila segala macam perundingan yang melibatkan Islam setempat, serantau bahkan sejagat tertumpu dengan kerap dan rancaknya di negara ini.

Persediaan-persediaan yang baik dari segi bangunan, kelengkapan yang lain-lain kemudahan membantu usaha-usaha untuk meningkatkan

kepada kuasa dan kekuatan ilmu pengetahuan, Dr. Mahathir nampaknya akan terus memberi ujian-ujian penting kepada ilmu dan keintelektualannya.

Yang keduanya, dalam proses ini negara akan setingkat demi setingkat didedahkan kepada masyarakat serantau dan antarabangsa yang akan memberi perhatian secara spontan dan serius terhadap potensi negara ini dalam pelbagai bidang.

Rakyat dan negara pada umumnya akan mendapat faedah besar dari perkembangan ini. Pelajaran dan pengalaman baru akan diterima. Pemikiran untuk kemajuan dan pembinaan rakyat akan diserapkan tanpa paksaan.

Walaupun tentangan dan kritik, terutama dari parti-parti pembangkang dan segolongan kecil ahli akademik dan anggota-anggota UMNO, akan dihala terhadap beliau untuk mengusik dan menguji ketahanan kepimpinan beliau, pada akhirnya apabila kesemua dari kebaikan yang telah diterapkan oleh Dr. Mahathir diperhitungkan, mereka tidak ada pilihan lain melainkan menerima beliau sebagai satu-satunya pemimpin yang amat sukar dicari ganti pada masa ini.

Sambutan Orang Melayu Terhadap UMNO

Ada dua cara yang boleh digunakan untuk mengukur sambutan orang Melayu secara umum terhadap UMNO. Yang pertama ialah sambutan atau penerimaan orang Melayu dalam dua parti Melayu yang terbesar di negara ini hari ini, iaitu UMNO sendiri dan PAS yang berteraskan perjuangan Islam itu (sekurang-kurangnya mengikut dasar parti yang bertulis).

Neraca yang paling sesuai sekali untuk mengukur sambutan dan penerimaan orang Melayu dan bukan Melayu terhadap UMNO pada keseluruhannya ialah angka-angka pilihanraya umum. Pilihanraya dan jumlah kerusi yang dimenangi oleh sesebuah parti politik menjadi ukuran mutlak, sama ada parti itu diterima oleh rakyat atau tidak. Demikianlah juga halnya dengan UMNO. Dalam tempoh tidak sampai setahun beliau menjadi Perdana Menteri, Dr. Mahathir mengarahkan supaya pilihanraya diadakan dalam tahun 1982.

Dalam pilihanraya ketiga selepas 1969 ini UMNO memenangi 70 dari 73 kerusi yang ditandingi di kawasan-kawasan parlimen di seluruh Semenanjung Malaysia dengan jumlah

undi 1,328,937 berbanding dengan PAS yang memenangi 5 kerusi sahaja daripada 82 buah yang ditandingi. Jumlah undi yang diperolehinya ialah 598,948.

Di dewan-dewan negeri PAS memenangi 18 daripada 226 kerusi yang ditandingi berbanding dengan 280 daripada 312 kerusi yang ditandingi oleh UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasional di 11 buah negeri, tidak termasuk Sabah dan Sarawak (yang telah pun mengadakan pilihanraya negeri masing-masing sebelum ini).

Oleh yang demikian hampir di semua negeri dewan-dewan undangan dikuasai oleh UMNO/Barisan Nasional, kecuali Kelantan di mana kemenangan 10 buah kerusi dewan negeri oleh PAS dalam tahun tersebut, berbanding dengan cuma dua sahaja dalam tahun 1978, membimbangkan.

Dewan Negeri Kelantan mempunyai 36 kerusi dalam tahun 1982 (sekarang 39 kerusi dengan bertambahnya satu kerusi Parlimen Lanas). BERJASA menang lima kerusi tetapi anggota parti itu, Encik Tahir Aziz, yang menang di Simpangan telah melompat mewakili UMNO pula.

Di kawasan-kawasan parlimen pengaruh PAS nampaknya begitu merosot dibandingkan dengan undi UMNO. Tetapi jika dibandingkan dengan pilihanraya umum 1978 PAS tidak banyak membuat kemajuan. Dalam pilihanraya tahun tersebut parti tersebut mendapat lima kerusi parlimen dari jumlah 87 buah kerusi yang ditandingi dengan jumlah undi 529,329.

Di manakah undi-undi PAS dan kekuatannya yang sebenar? Dalam tahun 1982 PAS mendapat sokongan dan di Kelantan, Terengganu dan Kedah dalam susunan itu. Dalam dewan undangan negeri PAS mendapat 10 kerusi di Kelantan, 5 di Terengganu dan dua di Kedah. Tetapi dalam tahun 1982 PAS juga mendapat satu kerusi di

Perlis.

Kedudukannya di parlimen ialah 4 di Kelantan dan satu di Kedah. Apa yang penting ialah negeri-negeri utara dan Pantai Timur Semenanjung nampaknya menjadi tumpuan PAS. Dalam negeri-negeri tersebut PAS mendapat 38 peratus dari jumlah undi di kawasan-kawasan parlimen, iaitu hanya 2 peratus sahaja kurang daripada tahun 1978.

Parti-parti pembangkang bukan Melayu seperti DAP juga tidak berjaya mencabar Barisan Nasional dengan berkesan. Dalam pilihanraya tahun itu DAP hanya mendapat 6 buah kerusi dari jumlah 56 kerusi yang ditandingi. Sementara PSRM, Pekemas, SDP dan Bebas gagal untuk mendapat walaupun sebuah kerusi.

Namun yang penting bukan sahaja 103 kerusi yang dimenangi oleh Barisan dari jumlah 114 yang ditandingi tetapi perbezaan antara undi DAP dan undi MCA. Sungguhpun DAP hanya menang 6 kerusi dan MCA 24 kerusi, namun jika dibandingkan undi DAP yang berjumlah 766,677 dengan undi MCA yang berjumlah 678,206, maka nyatalah perbezaan jumlah kerusi di antara kedua-dua parti orang Cina ini tidak menunjukkan MCA mempunyai harapan yang cerah, lebih-lebih lagi jika para pemimpin MCA terus-menerus bersengketa untuk merebut kuasa seperti sekarang ini.

Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan 15 kerusi yang dimenangi oleh DAP dalam tahun 1978 (MCA, 17) pencapaian MCA dalam tahun 1982 bolehlah dibanggakan. Akan tetapi seperti yang dikatakan, selagi MCA tidak dapat memenangi hati pengundi-pengundi Cina sepenuhnya selama itulah kedudukannya dalam Barisan memberi kesan yang negatif kepada Barisan dan kedudukannya seperti ini menjejaskan kewibawaan UMNO sebagai pemimpin Barisan.

Dalam sistem demokrasi tidak banyak yang